

Terus Bertekad MENERAJUI KECemerlangan



Majlis PERUTUSAN NAIB CANSOLOR 2012 'Terus Bertekad Menerajui Kecemerlangan'

31 Januari: Seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) diseru agar memantapkan set minda ke arah masa depan gemilang dengan menerajui kecemerlangan hingga ke peringkat global.

Demikian saranan yang disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di hadapan 2,000 hadirin terdiri daripada staf dan perwakilan pelajar di Majlis Perutusan Naib Canselor 2012 bertempat di Dewan Besar, Kampus Induk.

Dengan tema 'Terus Bertekad Menerajui Kecemerlangan' Dr. Ahmad Yusoff dengan jelas mengajak warga universiti untuk menjadi perintis kepada pencapaian yang hebat, berfikir secara strategik, berfokus, melaksanakan amanah dengan penuh iltizam serta bekerja sebagai satu pasukan yang kukuh.

Jelas beliau, "Untuk mencapai tahap cemerlang, kita dituntut untuk menjadi luar biasa, berfikir di luar kelaziman dan tidak duduk di tempat yang sama," kata Dr. Ahmad Yusoff sewaktu menyampaikan amanatnya.

Satu slogan turut diperkenalkan untuk menyuntik semangat warga UTeM dalam menerajui kecemerlangan iaitu 'Always a Pioneer, Always Ahead' yang bermaksud sentiasa memimpin, sentiasa di hadapan.

Beliau turut memetik hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menyeru warga universiti supaya bertekad untuk menjadi 3R iaitu 'Relevant, Referred, Respected' yakni relevan, dirujuk serta dihormati.

Jelasnya lagi, UTeM kini berada di tahap yang dipandang tinggi oleh masyarakat dan sewajarnya pencapaian cemerlang itu dilebarkan ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru, beliau menggesa hadirin untuk memperkasakan jati diri, berubah kepada sesuatu yang lebih baik dari sebelumnya serta mempunyai deria yang mendesak (sense of urgency).

Dalam bidang penyampaian akademik, beliau turut menyeru agar penggunaan aplikasi e-pembelajaran (e-learning) dipergiatkan dengan mengambil kesempatan terhadap perkembangan dunia teknologi maklumat yang semakin maju.

Dr. Ahmad Yusoff juga tidak ketinggalan melahirkan penghargaan kepada semua lapisan warga kerja UTeM yang telah sama-sama membangun serta menaikkan nama universiti melalui prestasi gemilang sepanjang tahun 2011.

Dalam majlis yang sama, beliau turut melancarkan wajah baru portal UTeM yang meraih status lima bintang pada tahun 2011 dengan dinaiktaraf bagi memudahkan pengguna dalaman dan pelawat untuk mendapatkan maklumat berkaitan universiti.

Penampilan baru portal UTeM turut mendapat respon yang positif daripada warga universiti dengan menu yang interaktif serta menyediakan kemudahan untuk orang kelainan upaya (OKU).



KANDUNGAN

Perutusan Naib Canselor | Dr. Mohamad Kadim Dilantik TNC (Akademik & Antarabangsa) | Prof Ir Dr Mohd Jailani Dilantik TNC (Penyelidikan dan Inovasi) | Pengerusi LPU Lawat Kemudahan FTK | UTeM Terus diberi Kepercayaan Sebagai Sekretariat Imagine Cup | Pencapaian Cemerlang Portal UTeM Terima Penghargaan KPT | Pejabat Pendaftar Dianugerah MS ISO 9001 | UTeM Tuan Rumah Mesyuarat TNC HEPA IPTA Malaysia | IPT Ireland Minat Jaliri Kerjasama Strategik Bersama UTeM | UTeM Terus Jadi Tumpuan Jalanan Kerjasama Strategik Dengan Universiti Indonesia | UTeM Terima Lawatan Dari Oman Kongsi Kepakaran Pusat Pembuatan Termaju | Delegasi UDINUS Adakan Kunjungan Ke Pejabat Naib Canselor | Pejabat Bendahari Sempurnakan Proses Agihan Baucar Buku 1Malaysia | HEPA Anjur Kursus Pemilihan Calon MPP | Pejabat HEPA Rangka Pelan Strategik Berimpak Tinggi Seiring Teras PSPTN | FTMK Jadi Pilihan Pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin | PPS Anjur Pameran Pendidikan Pengajian Siswazah | Mesyuarat Penutup Lawatan Audit SIRIM QAS | Pejabat Pendaftar Anjur Motivasi Bulanan 'Jom Hebat 360 Darjah' | UTeM Perkasa Bidang Penyelidikan Ke Arah Pengiktirafan Dunia | FTK Adakan Taklimat Kesedaran Pencegahan Kebakaran Di Tempat Kerja | Berita Kelahiran / Perkahwinan | Pertembungan Hebat Skuad Bimbingan 2 Lagenda Bola Sepak Malaysia Singapura | Personaliti Pilihan

Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Dilantik Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)



1 Januari: Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UTeM yang baru bagi menggantikan Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain yang telah tamat tempoh pelantikan.

Pelantikan baru ini telah dibuat selepas dipersetujui dan diberi mandat oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin baru-baru ini. Pelantikan beliau sebagai Timbalan Naib Canselor berkuatkuasa selama tiga tahun bermula 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2014.

Dr. Mohamad Kadim yang sebelum ini menyandang jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian pada Jun 1983 dari Portsmouth University dan Sarjana Sains pada November 1984 daripada universiti yang sama. Manakala Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari University of Technology Loughborough United Kingdom pada tahun 1991.

Beliau mula berkhidmat dengan UTeM pada tahun 2003 dan telah memegang beberapa jawatan tinggi di universiti ini antaranya ialah Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Dekan Pusat Universiti Industri, Ahli Senat dan Ahli Lembaga Pengarah UTeM Holding Sdn Bhd.

Dr. Mohamad Kadim ketika ditemui melahirkan rasa penghargaan di atas pelantikan tersebut dan bertekad merealisasikan hasrat UTeM menjadi pusat tumpuan dan mencapai kualiti pendidikan teknikal bertaraf dunia.

Di samping itu, beliau akan terus memperkasakan aktiviti pengantarabangsaan universiti ini dengan mempertingkatkan lagi kerjasama strategik dengan universiti ternama luar negara menerusi perancangan strategik dan pelaksanaan yang berkesan.

Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Dilantik Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)



1 Januari: Pengarah Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Profesor Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTeM yang baru.

Dr. Mohd Jailani memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Oklahoma State University, Amerika Syarikat pada tahun 1984 seterusnya menamatkan Sarjana dari universiti yang sama pada tahun 1988 manakala memperoleh PhD dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Sheffield Hallam University, United Kingdom pada tahun 1996.

Sebelum menjawat jawatan di KPT, beliau telah menyandang beberapa jawatan penting di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Timbalan Dekan Akademik Fakulti Kejuruteraan dan Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UKM.

Sehingga kini beliau telah menghasilkan lebih dari 15 buah buku dan prosiding, 60 kertas jurnal, 18 ucapatama dan kertas jemputan, 200 kertas persidangan, kertas popular dan laporan teknikal.

Manakala dalam bidang penyelidikan pula, beliau telah memenangi lebih dari 20 pingat dan hadiah di peringkat antarabangsa termasuklah di Seoul International Invention Fair (SIIF) pada tahun 2004 dan International Research Showcase 2007 yang diadakan di Nurnberg, Jerman.

Selain itu beliau juga merupakan penerima anugerah kecemerlangan termasuk Anugerah Khas Kualiti, Kategori Kumpulan Pengurusan Makmal Terbaik UKM 2002, Anugerah Khidmat Cemerlang UKM 2003, Anugerah Khas Kualiti Kategori Individu (kakitangan akademik, UKM 2005 dan Anugerah Makmal Cemerlang (penyelidikan), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina UKM 2007.

Mohd Jailani ketika diwawancara oleh pihak Media melahirkan rasa penghargaan di atas pelantikan dan kepercayaan yang telah diberikan dan beliau menyatakan untuk terus memperkasakan bidang penyelidikan dan inovasi UTeM ke peringkat yang lebih tinggi.

LPU Tinjau Perkembangan Dan Pembangunan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

20 Januari: Warga Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTeM telah menerima kunjungan dan lawatan daripada Datuk Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee Laidin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan Pegawai-pegawai Tertinggi UTeM hari ini.

Lawatan itu adalah bersempena dengan Mesyuarat LPU bilangan 1 tahun 2012 yang telah diadakan di bangunan fakulti ini.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah membawa Pengerusi dan ahli-ahli LPU yang lain melawat kemudahan makmal serta meninjau fakulti yang mula beroperasi tahun lepas.

Beliau melawat pembangunan yang menempatkan empat jabatan teknologi kejuruteraan iaitu Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektrik (JTKE), Jabatan Teknologi Kejuruteraan Elektronik & Komputer (JTKEK), Jabatan Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (JTKM) dan Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (JTKP) yang dilengkapi pejabat pentadbiran, makmal dan pusat pengajaran dan pembelajaran.

Turut hadir sama dalam lawatan, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani Mohd. Nor, Ahli-ahli LPU, Pendaftar Hassan Sirun, Dekan FTK, Profesor Madya Mohd Rahimi Yusoff, Ketua-ketua Jabatan fakulti dan staf FTK.



Apa pandangan anda mengenai BERITA@UTeM? Hantarkan pandangan / cadangan / sumbangan bahan anda melalui e-mail ke berita@utem.edu.my

Editor BERITA@UTeM

KETUA EDITOR :
Fazidah Binti Ithnin

WARTAWAN :
Mohd Khairulhusaini Bin Mohd Saad
Bob Faizeli Bin Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :
Aziza Binti Md Buang
Suria Binti Abdul Rahman
Zaffaruddin Hamzah

JURUFOTO :
Md. Nor Bin Mohamad Saleh
Nurulidayu Binti Talib
Mohd Farid Bin Supangi
Asri Bin Abu

PENGEDARAN :
Yang Sarinah Binti Mohd Talib
Mohammad Taufik Bin Osman



UTeM Terus diberi Kepercayaan Sebagai Sekretariat Imagine Cup

26 Januari: UTeM terus diberi kepercayaan selaku sekretariat penganjuran pertandingan berprestij Imagine Cup bagi tahun 2012.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan terus diberi mandat selaku Pengerusi Pertandingan Imagine Cup peringkat kebangsaan yang bakal berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah pada bulan Mei ini.

Pertandingan mencipta perisian (software) anjuran bersama Microsoft Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT), Multimedia Development Corporation (MDEC) dan Prestariang bakal menyaksikan peserta bersaing merebut tempat untuk mewakili negara ke peringkat dunia yang akan diadakan di Sydney Australia pada bulan Julai nanti.

Jelas beliau, Imagine Cup merupakan satu platform kepada para pelajar IPT bagi menonjolkan bakat dan kreativiti inovasi bagi mencipta perisian yang membantu menyelesaikan permasalahan global.

Beliau menjelaskan perkara itu sempena mesyuarat penganjuran Imagine Cup 2012 yang diadakan di Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya yang turut dihadiri oleh Prof. Dr. Azali Mohamed dari Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Ian Su dari Microsoft Malaysia, Muhammad Imran Kunalan dari MDEC, Dr. Abu Hassan Ismail dari Prestariang serta wakil-wakil IPT dari seluruh negara.



"Bah Aramai Ti Imagine Cup"



Pejabat Pendaftar Dianugerah MS ISO 9001:2008 Ke Arah Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti

9 Januari: Pejabat Pendaftar UTeM telah dianugerahkan Persijilan MS ISO 9001:2008 oleh Bureau Veritas Certification baru-baru ini.

Satu majlis penyerahan sijil penganugerahan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Eksekutif Bureau Veritas Certification, Ir. Hj. Othman Abdul Kadir di Pejabat Naib Canselor, Kampus Induk di sini.

Menurut Pendaftar UTeM, Hasan Sirun berkata, "Persijilan MS ISO 9001:2008 yang diterima merangkumi skop pengurusan dan pembangunan sumber manusia ke arah penyampaian perkhidmatan yang berkualiti," katanya. Jelas beliau lagi, pengiktirafan MS ISO 9001: 2008 merupakan usaha transformasi dalam merealisasikan visi Pejabat Pendaftar untuk menjadi pusat rujukan dan kecemerlangan tadbir urus sumber manusia universiti.

Justeru, persijilan itu dapat memberi impak yang positif dalam penambahbaikan serta meningkatkan kualiti dan produktiviti pengurusan sumber manusia dan perkhidmatan di Pejabat Pendaftar secara berterusan.

Pada majlis itu, Ir Hj Othman Abdul Kadir menyerahkan sijil tersebut kepada Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Sualdi, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang mewakili Naib Canselor.



Pencapaian Cemerlang Portal UTeM Terima Penghargaan KPT

26 Januari: Portal UTeM yang mencatat sejarah diiktiraf lima bintang oleh Multimedia Development Corporation (MDEC) pada tahun 2011 mendapat penghargaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Pada satu majlis bersempena Amanat Tahun Baharu Menteri Pengajian Tinggi yang diadakan di Putrajaya, Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah menerima piala dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin di atas pencapaian tersebut.

Hasil laporan penilaian itu, portal UTeM mencapai status lima bintang dan menduduki tangga pertama bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam dengan 95 markah. Tempat kedua diikuti oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan 90 markah.

Menurut Naib Canselor UTeM yang ditemui di majlis itu berkata, "Pencapaian lima bintang merupakan hasil usaha berterusan semua pihak di universiti ini dalam memajukan portal universiti agar menjadi sumber rujukan utama dan berguna kepada ibu bapa, pelajar serta pelawat," katanya.



UTeM Tuan Rumah Mesyuarat TNC HEPA IPTA Malaysia

18 Januari: UTeM telah dipilih menjadi tuan rumah Mesyuarat Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor/Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TTNC HEPA) IPTA ke-178 Bil. 1/2012 yang telah diadakan di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Penolong Naib Canselor (HEPA) UTeM, Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, 40 wakil universiti dari 20 IPTA telah hadir dalam mesyuarat yang pertama kalinya diadakan di UTeM.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Datuk Dr. Ahmad Faiz Hamid, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Utara Malaysia (UUM). Turut hadir ialah wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Jelas Prof. Marizan, mesyuarat itu merupakan satu platform dalam membincangkan hal ehwal semasa berkenaan urusan pelajar yang diadakan secara bergilir oleh setiap IPTA yang dipilih. Sekretariat yang ditubuhkan juga menyelaras sebarang peraturan serta aktiviti yang dianjurkan oleh setiap IPTA.





IPT Ireland

Minat Jalin Kerjasama Strategik Bersama UTeM

6 Januari: UTeM terus mendapat perhatian institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara. Terbaru menerusi lawatan dan perbincangan dalam merangka kerjasama strategik antara Cork Institute of Technology (CIT), Ireland bersama UTeM.

Delegasi CIT diwakili oleh Pengarah Fakulti Kejuruteraan Proses dan Mekanikal, Matt Cotterell bersama Penyelaras Antarabangsa institusi itu Clair Nadkar. Pihak UTeM pula diwakili Pengarah Pejabat Antarabangsa, Prof. Dr Nanna Suryana Herman bersama barisan Dekan-dekan fakulti di UTeM.

Menurut Prof. Nanna Suryana berkata, perbincangan antara UTeM dan CIT adalah berhubung kepada proses merangka jalinan kerjasama strategik antara dua buah universiti dalam bidang akademik dan penyelidikan.

Manakala skop kerjasama yang dibincangkan antara lain tertumpu dalam bidang yang melibatkan kursus kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan teknologi dan teknosahawan.

Menurut Matt Cotterell, beliau berpendapat bahawa UTeM merupakan universiti teknikal yang walaupun masih baru, namun perkembangan drastik yang ditonjolkan dalam aspek akademik, penyelidikan dan inovasi mampu menarik minat banyak IPT dari seluruh dunia untuk menjalin kerjasama strategik.



UTeM Terima Lawatan Dari Oman Kongsi Kepakaran Pusat Pembuatan Termaju

4 Januari: UTeM telah menerima kunjungan Public Establishment of Industrial Estate (PEIE) Oman yang dalam rangka lawatan ke negeri ini bagi melihat perkembangan sektor perindustrian berteknologi tinggi serta peluang pelaburan di Melaka di samping meninjau dengan lebih dekat kemudahan pengajian teknikal yang ditawarkan di sini.

Menurut Presiden Eksekutif PEIE Hilal Hamad Al Hosni yang ditemui menjelaskan bahawa lawatannya ke UTeM untuk meninjau fungsi dan peranan yang berfokus dalam bidang teknikal dan kejuruteraan serta penghasilan graduan yang memenuhi sektor perindustrian berteknologi tinggi.

Beliau kemudiannya telah dibawa melawat ke Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), untuk melihat fungsi Advance Manufacturing Centre (AMC) yang memiliki mesin dan peralatan termaju yang digunakan dalam industri dan pembelajaran.



UTeM Terus Jadi Tumpuan Jalinan Kerjasama Strategik Universiti Dari Indonesia

5 Januari: Universiti Islam Indonesia (UII) telah mengadakan lawatan ke UTeM bagi membincangkan pelaksanaan program kerjasama antara kedua-dua belah pihak.

Delegasi UII yang diwakili oleh Prof. Chairul Salleh dan Dr. Mohammad Ridhuan seterusnya mengadakan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suidi dengan dihadiri oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa, Prof. Dr. Nanna Suryana Herman serta Dekan fakulti-fakulti UTeM.

Dalam mesyuarat ini, Prof. Chairul Salleh menyatakan hasrat UII ingin bekerjasama dengan UTeM bagi melaksanakan program "Dual Degree" dalam bidang "Industrial Engineering", yang mana di akhir program pelajar akan mendapat dua ijazah dari UII dan UTeM.

Jelasnya lagi, mereka begitu tertarik dengan kemudahan fasiliti UTeM yang lengkap serta makmal-makmal berteknologi tinggi yang diisi dengan peralatan dan mesin berpadanan dengan keperluan semasa industri.

Sememangnya elemen-elemen ini penting dan kemampuan UTeM melahirkan mahasiswa profesional dan berkompentensi tinggi terus mendorong keyakinan UII untuk terus bekerjasama dengan UTeM, jelas Prof. Chairul lagi.



Delegasi UDINUS Adakan Kunjungan Muhibbah Ke Pejabat Naib Canselor

26 Januari: Delegasi Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS) telah mengadakan kunjungan muhibbah ke Pejabat Naib Canselor di Kampus Induk dalam rangka lawatan ke universiti ini. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Antarabangsa, kunjungan tersebut antara lain ingin mengukuhkan hubungan dua hala yang sedia terjalin di samping mengadakan perbincangan terhadap pelaksanaan program kerjasama antara kedua-dua universiti.

Terdahulu, delegasi yang disertai oleh Dr. Abdul Sukur, Dr. Kusni Insih, Rommi Hartanto dan Nurul mengadakan kunjungan ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suidi. Dalam pertemuan itu, delegasi UDINUS membincangkan hal berkaitan kerjasama program 3+2 di mana pelajar-pelajar dari UDINUS akan mengikuti pengajian ijazah sarjana muda selama 3 tahun di sana dan kemudiannya mengikuti pengajian selama 2 tahun peringkat sarjana di UTeM.

Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan berkata, perbincangan serta peluang kerjasama bersama UDINUS disambut dengan baik dan perkembangan itu bakal memberi manfaat kepada kedua-dua universiti.

Pejabat Bendahari Sempurnakan Proses Agihan **Baucar Buku 1Malaysia**

16 Januari : Pejabat Bendahari UTeM hari ini telah menyempurnakan agihan Baucar Buku 1Malaysia kepada lebih 8,000 penuntut universiti ini.

Pada satu majlis yang diadakan di Kampus Induk UTeM, Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah menyerahkan replika Baucar Buku 1Malaysia kepada wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai simbolik penyempurnaan agihan tersebut.

Bendahari UTeM, Khairul Talib yang ditemui berkata, "Sejumlah 8,847 orang pelajar UTeM layak menerima Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM 200 menjadikan jumlah baucar yang diterima UTeM sebanyak RM 1,769,400" katanya.

Dr. Ahmad Yusoff ketika menyampaikan pesanan kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) berkata, "Baucar Buku 1Malaysia merupakan inisiatif kerajaan meringankan beban golongan pelajar membeli buku-buku keperluan akademik dan sewajarnya bantuan ini digunakan dengan sebaik-baiknya," katanya.

Bellau juga menyeru mahasiswa supaya sentiasa bersyukur di atas bantuan yang diberikan dan menghargai sumbangan kerajaan serta membuat perancangan menunaikan baucar itu sebelum tamat tempoh pada 31 Mac bagi mengelakkan sebarang kesulitan kelak.



Pejabat HEPA Rangka **Pelan Strategik Berimpak Tinggi Seiring Teras PSPTN**

24 Disember 2011 : Seramai 29 orang pegawai Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM telah menghadiri Bengkel Pelan Strategik bagi tahun 2012 di sebuah hotel di Port Dickson baru-baru ini.

Menurut Penolong Naib Canselor (HEPA), Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, sebagai Pusat Tanggungjawab yang menjadi tulang belakang kepada pembangunan insaniah pelajar, bengkel ini bertujuan untuk mengemaskini fungsi tugas setiap unit di bawah Pejabat HEPA.

Kata beliau, ianya juga sebagai platform bagi merangka serta mengenal pasti program yang relevan serta memberi faedah yang mendalam kepada pelajar mengikut kehendak dan keperluan universiti serta Kementerian Pengajian Tinggi berteraskan 8 teras Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN).

Di samping itu bagi mengadakan kajian serta dapatan menyeluruh mengenai pencapaian dan permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan aktiviti sepanjang tahun 2011 seterusnya merancang aktiviti berimpak tinggi yang akan dilaksanakan pada tahun 2012.

HEPA Anjur Kursus **Persediaan Pemilihan Calon MPP**

19 Januari: Sebagai langkah memberi pendedahan awal berkaitan perjalanan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan Kursus Persediaan Pemilihan Calon MPP kepada 30 orang pelajar di Kuala Sungai Baru.

Menurut Penolong Naib Canselor HEPA Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, para peserta diberi pengetahuan berkaitan dengan keperluan menerapkan 7 elemen teras kemahiran insaniah seperti yang dipaparkan pada model konseptual pembangunan pelajar berteraskan kokurikulum.

Antara aktiviti yang diadakan ialah ceramah oleh Biro Tatanegara (BTN), taklimat AUKU, ceramah persediaan dan perjalanan pemilihan MPP, pengurusan organisasi dan pengucapan awam. Turut diadakan ialah simulasi pilihanraya dan Latihan Dalam Kumpulan (LDK).

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan. Turut hadir, Ketua Penolong Pendaftar, Bahagian Pembangunan Pelajar HEPA Mohd. Nizam Mazlan dan pegawai-pegawai Pejabat HEPA.



FTMK Jadi Pilihan Pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

26 Januari: Status universiti teknikal tersohor di negara ini dijadikan inspirasi oleh 30 orang pelajar dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Terengganu yang dalam rangka lawatan ke UTeM Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin.

Pada sesi lawatan itu, pelajar-pelajar dari politeknik terbabit dibawa melawat kemudahan pembelajaran yang terdapat di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).

Menurut seorang wakil pelajar yang ditemui, Mohd Badrul Hazam berkata, "lawatan ke UTeM memberi banyak pendedahan kepada kami terhadap peluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di samping dapat melihat dengan lebih dekat kemudahan yang terdapat di fakulti," katanya.

Terdahulu, peserta lawatan dan pensyarah-pensyarah yang mengiringi rombongan telah diberi taklimat mengenai latarbelakang universiti serta syarat-syarat kemasukan ke program-program yang ditawarkan di fakulti tersebut.



PPS Anjur Pameran Pendidikan Pengajian Siswazah

15 Januari: Pusat Pengajian Siswazah (PPS) menganjurkan Pameran Pendidikan Pengajian Siswazah bersempena Mesyuarat Majlis Dekan Pengajian Siswazah (MDPS).

Menurut Dekan PPS, Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad berkata, pameran pendidikan itu memberi peluang kepada orang ramai dan pelajar dari sekitar Melaka, Negeri Sembilan serta Johor bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang kursus atau program pasca siswazah yang ditawarkan oleh universiti-universiti awam di Malaysia.

Tambah beliau lagi, sebanyak 22 buah universiti yang terdiri daripada 20 universiti awam antaranya Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia serta dua universiti swasta turut serta iaitu Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Pameran Pendidikan Pengajian Siswazah merupakan platform penting dalam mempromosikan pengajian siswazah di kalangan masyarakat, golongan sasaran seperti graduan ijazah pertama dan golongan profesional.

Di samping itu program ini juga turut memberi sokongan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dalam mempromosikan program-program siswazah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), ujar beliau ketika ditemui di pejabatnya.



MESYUARAT PENUTUP SEMPENA LAWATAN AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2008

27 Januari: Mesyuarat Penutup Sempena Lawatan Audit Pemantauan MS ISO 9001:2008 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah dijalankan di Bilik Mesyuarat Senat Canselor yang dipengerusikan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dan dihadiri oleh Dekan-dekan serta Ketua-ketua Jabatan.

Ketua Juruaudit SIRIM QAS Parimala Devi Ganesan dan Mohammad Hamidi Yusop membentangkan penemuan sepanjang Lawatan Audit Pemantauan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti UTeM yang dijalankan sebelum itu.

Lawatan audit tersebut melibatkan kunjungan ke Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), Pejabat Pendaftar dan Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi (PJKA).

Secara keseluruhannya, UTeM berjaya melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti mengikut standard MS ISO 9001:2008 dan berjaya mengekalkan persijilan daripada SIRIM QAS bermula dari 4 April 2011 sehingga 3 Februari 2014.



UTeM Perkasa Bidang Penyelidikan Ke Arah Pengiktirafan Dunia

4 Januari: Sesi Taklimat Dana Penyelidikan Geran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor telah diadakan di Auditorium Bangunan Canselor, Kampus Induk baru-baru ini dengan dihadiri seramai 300 orang ahli akademik.

Menurut Prof. Jailani, objektif diadakan taklimat itu adalah untuk memberi kesedaran kepada penyelidik berkaitan kategori dana penyelidikan dan keutamaan menjadi ketua penyelidik.

Jelas beliau, dana penyelidikan mudah diperolehi sekiranya menjadi ketua penyelidik, justeru itu para penyelidik UTeM disarankan agar lebih agresif dalam menggalas peranan sebagai ketua penyelidik atau penyelidik utama.

Tambahnya lagi, penyelidik UTeM boleh memohon dana penyelidikan bagi Exploratory Research Grant Scheme (ERGS) dan Prototype Research Grant Scheme (PRGS) di samping dana penyelidikan lain seperti Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) dan Long-term Research Grant Scheme (LRGS).

Beliau turut menyarankan penyelidik universiti ini memohon dana sains dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang menjurus kepada pembangunan teknologi baru.



FTK Adakan Taklimat Kesedaran Pencegahan Kebakaran Di Tempat Kerja

5 Januari: Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dengan kerjasama Fire Prevention Centre (FPC) telah mengadakan taklimat kesedaran dan pencegahan kebakaran kepada kakitangan fakulti itu baru-baru ini.

Turut hadir di dalam sesi taklimat ini Dekan FTK, Prof. Madya Mohd Rahimi Yusoff. Jelas beliau, "Menyelamatkan nyawa dan harta benda adalah sangat penting tetapi pencegahan kepada bahaya kebakaran adalah yang paling utama dan mesti diketahui dan dikongsi bersama kakitangan FTK," katanya.

"Dengan ilmu yang diperolehi berkaitan pencegahan kebakaran ini diharap dapat menjadikan persekitaran FTK ini adalah selamat yang mana proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar di FTK" ujarinya lagi.

Di awal taklimat ini, penceramah jemputan telah memberi penerangan berkaitan sebab-sebab kebakaran yang biasanya berlaku di tempat kerja serta cara-cara untuk melindungi diri dengan kaedah yang betul.

Seterusnya para peserta turut didedahkan dengan kaedah penggunaan peralatan pencegahan kebakaran seperti alat pemadam api dengan cara yang betul.



Pejabat Pendaftar Anjur

Motivasi Bulanan 'Jom Hebat 360 darjah'

26 Januari: Seramai 200 orang kakitangan UTeM terdiri daripada kakitangan pentadbiran dan akademik telah menghadiri program motivasi bulanan baru-baru ini.

Program motivasi yang bertajuk 'Jom Hebat 360 darjah' merupakan anjuran Bahagian Kesejahteraan Personel, Pejabat Pendaftar telah diadakan di Dewan Auditorium Bangunan Canselor, Kampus Induk.

Pengarah Program, Muhamad Hazrul Md Esa dalam kenyataannya berkata, program motivasi pada kali ini lebih kepada memberi pendedahan kepada staf tentang faktor-faktor pendorong utama motivasi seseorang dari aspek dalaman dan luaran.

Kata beliau, peserta turut didedahkan bagaimana mengekalkan motivasi diri apabila berhadapan ujian dan dugaan dalam kehidupan di samping penetapan dan perancangan matlamat dalam kehidupan serta pembentukan diri positif dari aspek emosi.

Penceramah bagi program ini, Ustaz Long Kechik yang merupakan Eksekutif Kanan Tenaga Nasional Berhad menegaskan bahawa untuk menjadi insan hebat individu perlu melakukan perubahan positif dalam diri.

Dalam pada itu setiap individu seharusnya menyemai sikap yang sentiasa bersedia untuk berubah dan keadaan ini disokong oleh empat sudut perubahan diri yang merangkumi perubahan mental, fizikal, emosi dan sosial, jelasnya lagi.



Kelahiran Januari 2012



Nama Staf: Noor Muhammad Afiq bin Ismail (PPKK)
Nama Anak: Nurfiq Darwisy Bin Noor Muhammad Afiq
Tarikh Lahir: 6 Januari 2012



Nama Staf: Kyairul Azmi bin Baharin (FKE)
Nama Anak: Khayla Ardini binti Kyairul Azmi
Tarikh Lahir: 15 Januari 2012



Nama Staf: Aziza binti Md Buang (PPKK)
Nama Anak: Jazbella Ayra binti Juan Rizal
Tarikh Lahir: 31 Januari 2012



SHARUL ANUAR BIN RAMLI
PEMBANTU TADBIR (P/O)
PUSAT KOMPUTER

Shahrul Anuar menyertai UTeM pada bulan September 2008 dan ditempatkan di Bahagian Rangkaian dan Sokongan Sistem Pusat Komputer. Berasal dari Kampung Nyalas Jasin, beliau sangat aktif dalam aktiviti-aktiviti anjuran jabatan dan universiti. Mewakili Pusat Komputer dalam acara bola sepak dan sepak takraw Sukan Antara Jabatan (SAJ), Shahrul juga melibatkan diri sebagai pengurus pasukan olahraga Pusat Komputer dalam kejohanan yang sama.

Antara pengalaman yang tidak dapat beliau lupakan adalah sewaktu melaksanakan tugas semasa hari pendaftaran pelajar baru. Jelasnya, hari tersebut memerlukan komitmen yang tinggi dan semangat berpasukan yang kukuh demi memastikan kelancaran pendaftaran pelajar.

Selaku penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2010, Shahrul Anuar mengambil kesempatan mengucapkan jutaan penghargaan kepada warga Pusat Komputer yang telah banyak membantu serta menyokong beliau dalam melaksanakan amanah yang diberikan kepadanya.



ANNE A/P SINAPAN
PEMBANTU TADBIR (P/O)
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (CRIM)

Anne menyertai UTeM pada tahun 2004 dan ditugaskan melaksanakan kerja-kerja pentadbiran di Perpustakaan. Seterusnya Anne ditempatkan di Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (CRIM) pada tahun 2009 bagi melaksanakan urusan pentadbiran Penyelidikan Jangka Pendek (PIP).

Seorang yang peramah dan ceria, Anne yang berasal dari Bukit Katil Melaka aktif melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan persatuan. Beliau menganggotai PUSPANITA Cawangan UTeM serta pernah mewakili Perpustakaan dalam sukan bola jaring pada acara Sukan Antara Jabatan (SAJ).

Selain urusan pentadbiran, Anne turut menyumbang bakti dalam pelbagai majlis rasmi universiti. Beliau juga terlibat dalam penganjuran acara melibatkan bidang penyelidikan antaranya MUCET, UTeMEX serta Malaysia Technology Expo (MTE).

Beliau yang dianugerahkan perkhidmatan cemerlang bagi tahun 2010 amat menghargai segala dorongan dan sokongan daripada semua pihak dan berazam untuk mengekalkan prestasi tersebut dalam melaksanakan tugas harian.

Pertembungan Hebat Skuad Bimbingan 2 Legenda Bola Sepak Malaysia & Singapura

6 Januari: Stadium UTeM menjadi saksi kepada pertembungan hebat skuad bimbingan legenda bola sepak tanahair dan Singapura dalam satu perlawanan persahabatan yang diadakan di sini.

Pasukan UTeM yang dikendalikan oleh Sapian Wahid telah bertemu dengan pasukan H-Two-O Singapura yang dibimbing oleh Fandi Ahmad. Acara yang diaturnya itu adalah bersempena lawatan pasukan H-Two-O ke Malaysia dengan mengadakan beberapa siri perlawanan persahabatan di Kuala Lumpur dan Melaka.

Pasukan UTeM telah menurunkan kesebelasan utamanya yang terdiri daripada gabungan pemain dari kalangan pelajar dan kakitangan universiti ini dalam usaha memberikan saingan sengit terhadap pasukan H-Two-O.

Legenda bola sepak Singapura Fandi Ahmad yang ditemui berkata, perlawanan persahabatan yang diadakan bertujuan menguji skuad bimbingannya yang akan bermain di dalam Liga S. Kesemua pemain berusia bawah 23 tahun dan beliau amat berpuashati menyaksikan perlawanan tersebut.

Manakala Sapian Wahid pula menjelaskan, pasukan UTeM sedang dalam rangka persediaan bagi menghadapi Liga IPT Melaka, Liga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Liga Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan pelbagai kejohanan lagi pada tahun ini.

Fandi Ahmad turut memuji kesebelasan utama UTeM yang telah menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi di samping menimba pengalaman bermain dengan pasukan yang sedang meningkat naik.

Pelbagai aksi menarik telah ditonjolkan oleh pemain dari kedua-dua pasukan yang sentiasa mencari peluang memenangi perlawanan ini. Selepas berhempas pulas sepanjang 90 minit perlawanan, tuah menjadi milik pasukan H-Two-O Singapura apabila mengeneipkan cabaran UTeM dengan jaringan 4-3.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Mohd Kadim Suidi, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Turut hadir Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman, Bendahari UTeM Khairul Taib dan Ketua Pusat Sukan UTeM, Hj. Ismail Abdol Jalil.

